

IPTA dibenar lantik pegawai kontrak

Oleh: HASHNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 9 Feb. - Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diberi kuasa penuh membuat pelantikan secara kontrak bagi mengisi kekosongan jawatan akademik dan bukan akademik di institusi masing-masing berkuat kuasa 31 Januari lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam berkata, kebenaran tersebut melibatkan pelantikan calon baru, pesara kerajaan dan juga kalangan bukan warganegara bagi mengisi kekosongan.

Bagaimanapun, beliau berkata, pengurusan IPTA perlu mematuhi semua dasar, prinsip dan syarat-syarat pelantikan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

"Antaranya adalah pelantikan itu dibuat kerana tiada calon yang sesuai untuk dilantik secara tetap dan memberi peluang kepada calon terbabit menimba pengalaman serta kemahiran yang dikehendaki.

"Tempoh perkhidmatan yang dibenarkan selama tiga tahun sahaja dan had umur bagi pesara adalah 60 tahun serta 56 tahun bagi warganegara dan bukan warganegara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 bertajuk 'Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak Oleh IPTA' yang disiarkan di laman web rasmi JPA di sini hari ini.

Ismail memberitahu, pihak pengurusan IPTA perlu mengemukakan maklumat secara berkala setiap tiga bulan kepada JPA dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai prestasi calon yang dilantik secara kontrak itu.

Beliau berkata, KPT turut bertanggungjawab memantau bagi memastikan semua pelantikan kontrak oleh IPTA berkenaan mengikut syarat yang ditetapkan.

"Kebenaran pelantikan secara kontrak itu boleh ditarik balik jika didapati wujud bukti-bukti yang menunjukkan kegagalan pihak pengurusan IPTA mematuhi syarat yang ditetapkan," katanya.